

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 7.10.2014
SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah dan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran "Bible Knowledge" di peringkat SPM pada tahun 2013 dan bagaimanakah prestasi pencapaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 228 buah sekolah telah menawarkan kertas "Bible Knowledge" di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2013. Daripada seramai 387 orang calon yang mengambil peperiksaan tersebut, 74.7 peratus calon telah lulus dengan mendapat gred antara A+ hingga E, manakala 25.3 peratus calon lagi gagal dalam mata pelajaran tersebut.